



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A 2016/12/105 (HQ)

### PROJEK JAJARAN TALIAN VOLTAN TINGGI JANDA BAIK AKAN PATUHI GARIS PANDUAN JABATAN ALAM SEKITAR (JAS)

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** dengan kerjasama pihak berkuasa yang berkaitan akan memastikan pembinaan Projek Jajaran Voltan Tinggi di Hutan Simpan Janda Baik, Bentong, Pahang mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Satu program dialog yang dianjurkan TNB di Janda Baik hari ini diberitahu ketika ini, TNB sedang menjalankan Kajian Kesan Alam Sekitar (EIA) untuk jajaran berkenaan.

Kajian tersebut dijangka siap menjelang Mei 2017.

Dialog bersama Agensi Kerajaan dan Komuniti Janda Baik itu juga dimaklumkan bahawa:

1. Pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) sentiasa mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan pihak berwajib bagi semua projek yang dilaksanakannya untuk kepentingan awam.
2. Setakat ini TNB masih belum lagi memulakan sebarang kerja pembinaan menara di jajaran tersebut.
3. TNB tidak terlibat dalam sebarang aktiviti penebangan pokok di jajaran tersebut.
4. Jajaran talian penghantaran TNB itu telah mendapat kelulusan semua pihak berkuasa yang berkaitan setelah perbincangan dan pertimbangan teliti dibuat.
5. Jajaran ini penting untuk mengukuhkan sistem Grid Nasional dan bagi memenuhi keperluan elektrik yang semakin meningkat.
6. Jajaran ini perlu disiapkan pada November 2017 bagi menyalurkan elektrik dari Janakuasa Manjung 5 yang dijangka siap pada Oktober 2017.

**Dikeluarkan di Janda Baik , Pahang pada 19 Disember 2016**

*Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /  
Teng Yoon Soon (019-2931228) / Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) /  
Puti Mazlina Mashudi (013-3642727) / Mohd Syafiq Khairul Salleh (013-3432346)  
[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*